



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS PENGGUNAAN UNSUR SIMBOLISME DALAM PUISI SABAK

LAURA ANAK SEMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ANALISIS PENGGUNAAN UNSUR SIMBOLISME DALAM PUISI SABAK

LAURA ANAK SEMAN



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



PENGHARGAAN

Segala pujian dan syukur saya kepada Tuhan kerana dengan penyertaan-Nya, tesis ini berjaya disiapkan. Penghargaan yang pertama saya rakamkan kepada pensyarah penyelia saya, Profesor Madya Dr. Chemaline anak Osup yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam perjalanan menyiapkan tesis ini. Segala nasihat dan tunjuk ajar serta dorongan beliau akhirnya berjaya membantu saya menyiapkan hasil kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada keluarga saya dan suami saya iaitu Davey Tioh yang tidak henti-henti memberi galakan dan sokongan moral untuk saya siapkan tesis ini. Ucapan istimewa untuk buah hati saya, Declan Davey yang menguatkan lagi semangat saya untuk menghabiskan tesis ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan saya, terima kasih untuk dorongan kalian sepanjang penyiapan tesis ini. Akhir sekali, tidak lupa juga kepada insan-insan yang banyak membantu dalam kajian dan tesis saya ini, terima kasih diucapkan. Tuhan memberkati kalian.



ABSTRAK

Setiap kaum mempunyai keunikan dan daya tarikkannya tersendiri. Bagi kaum Iban pula, mereka mempunyai banyak puisi yang unik dan penuh dengan kesenian. Puisi dalam masyarakat Iban disebut sebagai *leka main* dan dipecahkan kepada tiga kategori utama, iaitu *leka main pemerindang* (puisi hiburan), *leka main adat basa* (puisi adat) dan *leka main invokasyon* (puisi invokasi). *Sabak* tergolong dalam puisi invokasi. Namun, ramai yang tidak memahami unsur simbolisme yang digunakan dalam *sabak*. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis unsur simbolisme yang terdapat dalam teks *sabak* upacara ritual kematian kaum Iban suatu ketika dahulu sehingga pada hari ini. Imej arketaip yang terdapat dalam puisi *sabak* turut di kaji. Kajian ini juga turut melihat simbol yang melambangkan emosi dalam puisi *sabak*. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan, iaitu menganalisis sebahagian buku '*sabak*' dari muka surat 1 hingga 7 dan juga kajian lapangan, iaitu temu bual dengan tukang *sabak*. Dua teori utama yang digunakan dalam kajian ini, iaitu teori simbolisme dan teori arketaip. Kajian mendapati bahawa, terdapat banyak simbol, imej arketaip dan simbol yang melambangkan emosi terdapat dalam puisi ini. Contohnya, *asai ke dibaji enggau seligi sangkuh tajam*; simbolisme keadaan hati seseorang yang sakit dan sedih diibaratkan ditusuk dengan lembing yang tajam. Tukang *sabak* menggunakan imej arketaip sepanjang ratapannya. Contohnya, *ukai aku tau' ngeramban de' ke udah padam*. Padam bermaksud padam atau imej arketaip yang memberi maksud kematian. Sudut kejiwaan turut dipaparkan melalui unsur simbol dan lambang emosi oleh tukang *sabak*. Kajian ini diharap membantu para pelajar di peringkat sekolah dan pengajian tinggi dalam memahami puisi rakyat Iban ini. Kajian ini juga membantu para pendidik dan masyarakat untuk menelusuri dan memahami simbol, lambang dan imej arketaip yang terdapat dalam puisi *sabak*. Dengan kajian ini, diharap para penyelidik akan datang boleh menjadikannya sebagai rujukan untuk kajian yang akan datang berkaitan dengan aspek yang lain seperti penggunaan unsur alam dalam puisi *sabak*.



ANALYSIS OF THE USE OF ELEMENTS OF SYMBOLISM IN SABAK POETRY

ABSTRACT

Each race is unique with its own unique charm. For the Iban, they have many types of poems that are unique and artistic. Poetry in the Iban society is called 'leka main' and divided into three main categories, namely *leka main pemerindang* (entertainment poetry), *leka main adat basa* (custom poetry) and *leka main invokasyon* (invocation poetry). *Sabak* belongs to the invocation poem. However, many do not understand the elements of symbolism used in the *sabak* poems. This study was conducted to examine the elements of symbolism contained in *sabak* text of the Ibans deaths rituals of some time ago until today. The archetype images contained in the poem also reviewed. This study also looks at symbols that symbolize emotion in *sabak* poems. This study uses a library study, which analyzes the some of the *sabak* books from pages 1 to 7 as well as field studies, interviews with tukang *sabak*. The two main theories used in this study, the theory of symbolism and archetype's theory. The study found that there are symbols, archetypal images and symbols that symbolize the emotions found in this poem. For example, *asai ke dibaji enggau seligi sangkuh tajam*; symbolize the feeling of sick and sad like being stabbed with a sharp spear. Tukang *sabak* uses the archetypal image throughout his wail. For example, *ukai aku tau' ngeramban de' ke udah padam*. *Padam* means extinguished or archetypal images that symbolize death. The corner of the soul is also displayed through symbols and emotional symbols by tukang *sabak*. This study is expected to help students at the school and university to understand the poem of the Iban people. This study also helps educators and the community to explore and understand the symbols, symbols and archetype images contained in poems. With this study, it is hoped that future researchers will make it as a reference related to other aspects such as the use of natural element in *sabak* poetry.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN

ii

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv



ABSTRACT

v

KANDUNGAN

vi

SENARAI JADUAL

xi

SENARAI RAJAH

xii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

1

1.2 Latar belakang kajian

2

1.2.1 Asal usul masyarakat Iban

3

1.2.2 Cara hidup masyarakat Iban

9



1.2.3	Adat masyarakat Iban	17
1.2.3.1	Adat perkahwinan	18
1.2.3.2	Adat kematian	21
1.3	Pernyataan masalah	24
1.4	Objektif kajian	26
1.5	Soalan kajian	26
1.6	Kesignifikan kajian	27
1.7	Batasan kajian	28
1.8	Definisi Operasional	29
1.9	Rumusan	37

BAB 2 LITERATUR KAJIAN

2.1	Pendahuluan	38
2.2	Takrifan konsep	39
2.2.1	Leka main pemerindang (Puisi hiburan)	40
2.2.2	Leka main adat basa (Puisi adat)	43
2.2.3	Leka main invokasyen (Puisi invokasi)	46
2.2.4	Puisi sabak	49
2.2.5	Jenis-jenis puisi sabak	54
2.3	Sorotan Literatur	60

2.3.1	Literatur Berkaitan	61
2.3.2	Literatur Kajian	65
2.4	Teori-teori	70
2.4.1	Teori kritikan arketaip	71
2.4.2	Teori simbolisme	81
2.5	Rumusan	84

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	85
3.2	Kerangka konseptual	86
3.3	Reka bentuk kajian	88
3.4	Kaedah kajian	91
3.4.1	Kepustakaan	93
3.4.2	Kaedah tinjauan	93
3.4.2.1	Temu bual	94
3.4.3	Pendekatan analisis	95
3.4.4	Pendekatan kualitatif	95
3.5	Sampel kajian	96
3.6	Instrumen kajian	96
3.7	Prosedur pengumpulan data	97
3.8	Cara penganalisan data	98

3.9 Rumusan	99
-------------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	100
4.2 Analisis keseluruhan	110
4.2.1 Analisis unsur simbolisme dalam puisi <i>sabak</i>	111
4.2.2 Analisis penggunaan imej arketaip dalam puisi <i>sabak</i>	119
4.2.3 Analisis simbol yang melambangkan emosi dalam puisi <i>sabak</i>	125
4.3 Rumusan	133

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan	134
5.2 Perbincangan kajian	135
5.2.1 Penggunaan unsur simbolisme dalam puisi <i>sabak</i>	136
5.2.2 Penggunaan imej arketaip dalam puisi <i>sabak</i>	143
5.2.3 Penggunaan simbol yang melambangkan emosi dalam puisi <i>sabak</i>	156
5.3 Rumusan	163

BAB 6 CADANGAN DAN KESIMPULAN

6.1 Pendahuluan	164
6.2 Cadangan Kajian	165
6.3 Usaha mengekalkan puisi <i>sabak</i>	168

6.4 Penutup	170
RUJUKAN	171
LAMPIRAN	175



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Penyelidikan	92
4.1	Unsur Symbolisme dalam Puisi <i>Sabak</i>	112
4.2	Imej Arketaip dalam Teks Puisi <i>Sabak</i>	122
4.3	Simbol yang Melambangkan Emosi	126





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Leka Main Pemerindang (Puisi Hiburan)	40
2.2 Leka Main Adat Basa (Puisi Adat)	44
2.3 Leka Main Invokasyen (Puisi Invokasi)	47
3.1 Kerangka Konseptual	88
3.2 Reka Bentuk Penyelidikan	91
3.3 Aksi Tukang <i>Sabak</i>	95





SENARAI LAMPIRAN

- A** Tukang *sabak*
- B** Teks Puisi *Sabak*
- C** Soalan Temu bual



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sub-topik ini membincangkan asal usul masyarakat Iban yang terkenal dengan kepelbagaian jenis puisi rakyatnya. Puisi rakyat Iban lebih dikenali sebagai *Leka Main* dalam masyarakat Iban. *Leka main* ini dikategorikan kepada tiga kelompok yang utama, iaitu *Leka Main Invokasyen* (Invokasi), *Leka Main Adat Basa* (Adat) dan *Leka Main Pemerindang* (Hiburan). Dalam tajuk kecil ini diceritakan sedikit sebanyak tentang masyarakat Iban dan dinyatakan objektif kajian ini.



1.2 Latar belakang kajian

Leka main (puisi rakyat Iban) yang disebut sebagai *sabak* ialah ratapan dalam nyanyian untuk mengiringi semengat (roh) si mati ke *Sebayan*. Intipati dalam puisi tersebut adalah penceritaan mengenai kehidupan si mati serta meluahkan perasaan sedih setelah ditinggalkan si mati. Oleh kerana puisi *sabak* bertujuan untuk mengiringi roh si mati ke *Sebayan*, iaitu suatu tempat yang dipercayai menjadi tempat tinggal selepas mati, seorang tukang *sabak* dijemput khas untuk melagukan puisi *sabak* sepanjang malam.

Puisi *sabak* digunakan dalam upacara kematian dan dilagukan oleh tukang *sabak* yang dijemput khas. Tukang *sabak* ini bukanlah sembarangan orang kerana orang tersebut memang pakar dalam bidang berkenaan. Menurut mitos tentang puisi *sabak*, orang Iban yang pertama menjadi tukang *sabak* untuk si mati ialah Remi anak Serapuh. Kononnya, pada suatu hari, beberapa orang wanita yang berasal dari *Sebayan* (tempat orang mati yang sudah meninggal) sedang berjalan lalu melalui kawasan perhumaan miliknya ketika dia melakukan kerja-kerja merumput. Rombongan wanita tersebut berjalan menuju ke sebuah rumah panjang tempat perayaan *Gawai Antu* (perayaan sebagai mengenang orang yang sudah meninggal dunia). Wanita-wanita tersebut memberitahunya bahawa orang yang telah meninggal dunia harus diingati dengan puisi ratapan. Mereka mengajarnya melagukan puisi *sabak* berkenaan. Sejak hari itu, puisi *sabak* digunakan dalam upacara kematian.



Dalam versi cerita yang lain, Selaka pula dikatakan sebagai orang yang mula-mula sekali meratapi si mati melalui puisi ratapan. Selaka dikatakan sedang menuai padi apabila terserempak dengan beberapa orang wanita yang sedang dalam perjalanan ke perayaan *Gawai Antu*. Wanita-wanita tersebut mengajaknya menyertai mereka. Mereka merupakan orang *Sebayan*, iaitu orang-orang yang telah meninggal dunia dan berada di dunia *Sebayan (Other world)*. Mereka lalu mengajar Selaka mengenai perjalanan semengat (roh si mati) dan dilafazkan dalam ratapan. Pengalaman ini menjadikannya *lemambang sabak* yang pertama. Lazimnya, *lemambang sabak* ialah seorang wanita, tetapi ada tukang *sabak* yang terdiri daripada orang lelaki. Tukang *sabak* selalu mengisahkan tentang susur galur si mati. Walau bagaimanapun, isi-isi utama yang penting dalam ratapan selalunya perkara-perkara tentang kebaikan si mati.



1.2.1 Asal Usul Masyarakat Iban

Sarawak memiliki pelbagai pribumi etnik seperti Dayak Iban, Melanau, Bidayuh, Kenyah, Melayu, Kedayan, Belait, Sebuyau, Kayan, Punan, Penan, Bisaya dan lain-lain. Kesemua etnik yang terdapat di Sarawak memiliki kepercayaan, adat, agama dan dialek yang berbeza-beza dari segi jumlah penduduk. Kaum Iban ialah penduduk paling ramai di Sarawak. Satu tinjauan yang dijalankan pada tahun 2010 merekodkan jumlah kaum Iban di Sarawak seramai 713 421 orang. Masyarakat Iban menetap di merata tempat di kebanyakan kawasan di Sarawak dan dikenali mengikut sungai





(*riverine societies*) atau faktor geografi (Chemaline anak Osup, 2011). ‘Ensiklopedia of Iban Studies’ yang dicetak pada tahun 2001 menjelaskan bahawa etnik Balau dan Undup menetap di Batang Lupar dan Batang Ai; Iban Sebuyau menetap di Sungai Sebuyau; Iban Remun menetap di Serian; Iban Dau menetap di Sungai Klauh; Iban Saribas menetap di Layar, Padeh, Rimbas, Entanak, Krian, Julau, Kanowit, Sarikei dan Batang Rajang. Iban Lemanak pula menetap di kawasan petempatan masyarakat Iban di Skrang dan Ulu Ai. Masyarakat Iban tidak hanya terdapat di Sarawak sahaja, malahan di Kalimantan, Indonesia juga. Masyarakat Iban di Kalimantan terbahagi kepada tiga pecahan yang terbesar, iaitu Iban Kanyau, Iban Merakai dan Iban Danau.

Masyarakat Iban sangat dikenali dengan keberanian, ketangkasan dan kepahlawanannya pada zaman dahulu. Pelbagai versi cerita rakyat pada zaman dahulu memaparkan keberanian dan kepahlawanan mereka yang sangat berpengaruh pada waktu itu. Negeri Sarawak turut dikenali sebagai Bumi Pemotong Kepala kerana aktiviti dan ekspedisi perang masyarakat Dayak Iban pada zaman dahulu yang dipanggil ‘*ngayau*’. Semasa perang berlaku, pahlawan Dayak memenggal dan memotong kepala musuh dan membawanya balik ke rumah panjang. *Ngayau* merupakan serang balas yang dilakukan oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu untuk mempertahankan diri dan melanggar kawasan musuh serta menawan mereka. Aktiviti *ngayau* ini ialah salah satu daripada punca tercetusnya idea masyarakat Iban membuat rumah panjang. Berikutan aktiviti *ngayau* ini, kaum lelaki yang berani dan gagah perkasa menemani isteri, dan anak-anak mereka ke kebun atau sawah bendang. Musuh selalu menyerang secara hendap dan para lelaki berusaha menjaga keselamatan ahli keluarga mereka masing-masing. Mengikut rekod sejarah, *kayau*





(ekspedisi *ngayau*) dapat dikelaskan kepada dua, iaitu *Kayau Serang* dan *Kayau Anak*, (Chemaline Osup, 2011). *Kayau Serang* bermaksud serangan besar-besaran atau beramai-ramai ke atas kawasan ataupun petempatan musuh. Sebelum menyerang musuh, mereka memanggil dan membawa penduduk rumah panjang yang berdekatan untuk menyertai *kayau* mereka. Malam sebelum turun *ngayau*, para lelaki akan berkumpul di rumah *tuai kayau* (ketua ekspedisi *ngayau*) untuk ritual *bedara* (upacara memohon keberkatan perlindungan dari dewa) dan *miring* (ritual untuk menyeru kehadiran dewa). Bilangan orang yang menyertai *kayau* ini mencecah beratus-ratus orang menurut cerita orang tua-tua dahulu. Perang ini dilancarkan secara terbuka dan dengan pengetahuan musuh supaya musuh dapat bersedia menghadapi serangan ini kelak.



Kayau anak pula merupakan *kayau* yang dilakukan oleh hanya sebilangan kecil ahli (tidak melebihi dua puluh orang). *Kayau anak* ini disasarkan kepada musuh yang sedang bekerja di sawah, mandi di sungai, mencari sayur-sayuran di hutan dan yang sedang mencari ikan di sungai. *Kayau* ini dilakukan untuk membalas dendam terhadap musuh yang telah merampas harta benda mereka dan dilakukan secara sembunyi tanpa pengetahuan orang ramai atau musuh terlebih dahulu. Ahli kasatria *kayau* akan memenggal kepala musuh dan merampas harta benda mereka. Isteri dan anak musuh ditawan dan dibawa balik ke rumah. Masyarakat Iban bukanlah orang yang tidak berperikemanusiaan biarpun mereka terlibat dalam *ngayau*. Mereka selalunya mengangkat isteri dan anak-anak musuh sebagai ahli keluarga mereka sendiri melalui ritual *bertembang* yakni acara mengangkat ahli keluarga musuh sebagai ahli keluarga sendiri. Masyarakat Iban tidak sampai hati menjadikan orang





lain sebagai hamba biarpun orang-orang tersebut adalah musuh yang ditawan. Oleh itu, masyarakat Iban tidak mempunyai kelas hamba kerana tidak diamalkan pada waktu itu. Jika adapun, mungkin sebahagian kecil yang mengamalkannya.

Selain faktor membalas dendam, *ngayau* dilakukan kerana rebutan sesuatu kawasan perhumaan dan rebutan jawatan ketua masyarakat dan juga untuk menjadi terkenal. Seorang ketua hendaklah berani dan pernah memenggal kepala musuh. Orang yang pernah menang *kayau* sangat dihormati dan dimuliakan oleh masyarakat sekitarnya serta dipandang tinggi. Keberanian dan kepahlawanannya ditandakan dengan tatu-tatunya (dahulunya tanda keberanian orang Iban) atau nama lainnya *kelingai* pada bahagian tubuhnya seperti *bungai terung* (bunga terung) dan *tegulun* (tatu pada bahagian jejari). *Tegulun* hanya boleh dibuat sekiranya seseorang pemuda zaman dahulu pernah memenggal kepala musuh.

Pada zaman sekarang, *kayau* tidak diamalkan lagi. *Kayau* telah lama berakhir semenjak pemerintahan Inggeris di Sarawak, malah masyarakat luar lebih memahami peribadi masyarakat Iban dan melihat bahawa orang Iban adalah kaum yang baik dan berbudi pekerti (Melling, dipetik dari Chemaline Osup, 2011) dan orang Iban disenangi kerana peribadi yang baik, berbudi bahasa, penyayang dan berani.

Mengikut kepercayaan orang tua tua dahulu kala, masyarakat Iban dikatakan berasal dari Batang Kapuas, Kalimantan di Indonesia. Kajian daripada golongan cendekiawan Iban menunjukkan bahawa etnik Iban berasal dari Yunnan yang terletak





di negara China. Keperitan hidup di sana menyebabkan masyarakat Iban kemudiannya berpindah ke IndoChina, kemudian ke Semenanjung Tanah Melayu dan akhirnya ke Sumatera, Indonesia sebelum berpindah dan menetap di Borneo kerana kedatangan kepercayaan agama dari Arab yang bertentangan dengan kepercayaan masyarakat Iban, (Nalong Buda dan Johnny Chuat, 2007 ms.1). Justeru, orang Iban tradisional atau dayak Laut dikatakan berasal dari Kalimantan Indonesia. Anthony Richard membuktikan kesahihan ini dan menunjukkan bahawa populasi kaum Iban yang menetap di Kalimantan adalah sangat tinggi. Kedatangan orang Iban ini hampir sama masanya dengan kedatangan Eropah ke Asia Tenggara. Orang Iban berjaya masuk ke Sarawak menggunakan jalan Batang Ai Kapuas, iaitu jalan pintas dan mudah untuk melintasi sempadan Sarawak-Kalimantan. Pada zaman kolonial, orang Iban dikenali sebagai Dayak Laut atau 'Sea Dayaks' kerana peristiwa orang Iban yang membantu orang Melayu yang tinggal di tepi laut daripada serangan lanun. Orang Iban yang tinggal di kawasan berdekatan orang Melayu ini sanggup menggadaikan nyawa membantu melawan dan mengusir lanun dari kawasan petempatan orang Melayu. Peristiwa inilah yang menyebabkan orang luar atau bangsa Eropah menggelar orang Iban sebagai Sea Dayaks.

Benedict Sandin dan Morgan (dipetik dari Chemaline Osup, 2011 ms.7) mengatakan "masyarakat Iban dahulu kala tinggal bersama-sama dengan tuhan mereka yang digelar 'Petara' dari Panggau Libau". Sumber ini mungkin mitos sahaja namun dipercayai benar oleh masyarakat Iban dahulu kala sehingga generasi sekarang pun masih mempercayainya terutamanya yang masih mengamalkan kepercayaan animisme. Mengikut cerita orang tua tua, orang Iban tinggal menetap bersama-sama





dengan Chung Chululung (Chang Chelawang), bapa kepada pahlawan Iban yang terkenal, iaitu Keling dan Bungai Nuing. Chung Chululung ini dikatakan wujud dalam bentuk separuh dewa dan separuh manusia. Chung Chululung dikatakan lesap setelah dia memakan daging ular tedung yang dibunuhnya sewaktu mencari kayu api di hutan. Selepas memakannya, dia dikatakan lesap bersama-sama dengan penduduk yang turut memakan daging ular yang diberikannya. Kejadian ajaib ini telah menyebabkan ahli-ahli kerabatnya yang lain bermesyuarat dan membuat keputusan untuk berpindah ke tempat lain. Ahli kerabat yang lesap (tidak kelihatan di mata manusia) berpindah di Panggau Libau di kayangan. Buntak dan Sali (ketua Iban pada waktu itu) memimpin ahli kerabat mereka yang lain berpindah ke Empanang, Merakai, Kumpang, Batang Ai serta di kawasan berhampiran dengan sungai.



Kedatangan orang Iban ke Sarawak dapat dibahagikan kepada empat peringkat (Nalong anak Buda & Johnny anak Chuath, 2007). Peringkat pertama adalah perpindahan yang berlaku sebelum tahun 1800. Pada peringkat pertama ini, masyarakat Iban berpindah dari Kalimantan ataupun Sumatera ke bahagian kedua Sarawak, iaitu Batang Lupa (Sebuyau, Lingga, Banting, Undup, Skrang, Lemanak, Batang Ai), Batang Saribas (Rimbis, Paku, Layar dan Padih) dan juga ke bahagian pertama Sarawak, iaitu Lundu dan kawasan berdekatan Sungai Sarawak. Kawasan Samarahan, iaitu Simunjan dan Batang Sadong turut didiami oleh masyarakat Iban sebelum tahun 1800.

Peringkat kedua perpindahan orang Iban ke Sarawak berlangsung antara tahun 1800 sehingga 1850. Orang Iban berpindah dan menetap di Batang Krian (Awik) dan





Rajang (Sarikei, Bintangor, Sibu, Kanowit, Julau, Entabai, Poi, Dap, Ngemah, Katibas dan Melipis). Peringkat ketiga perpindahan orang Iban berlaku dalam tahun 1850 sehingga 1900. Perpindahan berlaku ke kawasan Rajang (Ibau, Belawai, Yong, Sungai Kapit, Batang Balleh), Sibu dan Mukah (Igan, Oya, Mukah dan Balingian), Bintulu (Tatau dan Bintulu) dan Miri (Tinjar dan Hilir Baram). Peringkat keempat perpindahan orang Iban berlangsung antara tahun 1900 sehingga 1941.

Perpindahan masyarakat Iban ini banyak dipengaruhi oleh faktor tertentu. Penerokaan tanah baru menggalakkan proses perpindahan masyarakat untuk memenuhi keperluan hidup mereka dari segi ekonomi terutamanya pertanian. Masyarakat Iban tradisional memerlukan tanah dan kawasan yang sesuai untuk pertanian bagi menanam pelbagai jenis tanaman kontan seperti jagung, ubi keledek, padi dan sebagainya. Tanaman ini merupakan keperluan utama mereka untuk meneruskan hidup.

1.2.2 Cara Hidup Masyarakat Iban

Setiap masyarakat mempunyai cara hidup yang tersendiri. Masyarakat Iban juga tidak terkecuali, yakni mempunyai cara unik dan distintif dan berusaha menjamin keberlangsungan hidup masyarakat tersebut untuk dijadikan pedoman untuk generasi kemudiannya. Manusia hidup berpandukan pengalaman kehidupan orang tua-tua dahulu.





Dikelala damun ari kayu
(Dikenali hutan dari kayunya)

Dikelala buah ari langgu,
(Dikenali buah dari langgunya,)

Dikelala mensia ari penyiru,
(Dikenali manusia dari budi bahasanya,)

Dikelala bansa Iban ari jaku.
(Dikenali bangsa dari bahasanya.)

Maksudnya, sesuatu masyarakat itu dikenali melalui budaya, identiti, budi bahasa yang diamalkan dan bahasa yang dituturkan. Justeru, budaya merangkumi cara hidup sesuatu kaum. Kamus Dewan Edisi Keempat memberi maksud *budaya* sebagai “tamadun” atau “peradaban”. Menurut Chemaline Osup (2011 ms.2), dalam konteks masyarakat Iban, “budaya adalah kebolehan ataupun cara yang digunakan untuk bertahan bagi meneruskan kehidupan”. Seorang penulis antropologi yang bernama Koentjaraningrat mengatakan bahawa perkataan budaya tersebut diambil daripada bahasa Sanskrit *buddhaya* ataupun *buddhi*, yang bermaksud budi atau akal. Chemaline Osup (2011) menyimpulkan erti budaya hidup sebagai kelakuan dan tingkah laku ataupun hasil perangai seseorang manusia yang tersusun serta teratur yang diperoleh daripada pembelajaran hidup mereka. Manusia selalu memperhatikan cara hidup dahulu kala serta mengikuti amalan hidup sehingga semua perkara yang dilakukan oleh mereka mempengaruhi dan melekat dalam kehidupan masyarakat seharian. Ralph L. Beals dan Harry Hoijer (dipetik dari Chemaline Osup, 2011) menyatakan bahawa budaya hidup itu adalah kebiasaan manusia mencipta sesuatu objek, kebijaksanaan membuat barangan perkakasan, gerak hati manusia yang memilih dan meneladani perkara yang dirasa, dilihat, disentuh, dihidu dan didengar oleh mereka. Kroeber dan Kluckhohn (dipetik dari Chemaline Osup, 2011) pula





menyatakan bahawa budaya hidup terhasil daripada proses sejarah supaya manusia hidup secara rasional, eksplisit dan implisit. Budaya hidup manusia akhirnya memulakan sesebuah tamadun bangsa pada masa sekarang tetapi bersifat dinamik, iaitu berubah mengikut zaman, lebih-lebih lagi berkembang mengikut kemajuan dunia.

Semua budaya hidup dalam dunia ini menerapkan nilai murni. Begitu juga dengan masyarakat Iban yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka dan hal ini sangat jelas dalam budaya hidup masyarakat Iban. Masyarakat Iban memang dikenali dengan nilai berbudi bahasa. Orang Iban menghormati orang lain, melayan dengan baik dan mengamalkan nilai tolong menolong. Situasi ini selalunya kelihatan di kawasan petempatan Iban di rumah panjang. Mereka mengamalkan sikap tolong menolong dalam setiap perkara yang memerlukan kerjasama seperti gotong royong pada musim perayaan. Masyarakat Iban sendirilah yang menghasilkan budaya hidup mereka dan seterusnya berperanan dalam mengekalkan keberlangsungan budaya hidup mereka. Budaya hidup masyarakat Iban mempunyai faktor penolakan dan penerimaan. Contohnya, semua perubahan yang berlaku mendatangkan kebaikan seperti perubahan dari segi kemajuan ekonomi, kemajuan politik dan kemajuan sains dan teknologi. Masyarakat Iban kini semakin lebih celik dengan dunia luar dan mulai mempunyai kesedaran untuk mengubah diri sendiri. Namun, terdapat juga masyarakat yang masih mengekalkan budaya hidup lama mereka dan menolak perubahan. Mereka ini ialah golongan konservatif.





Salah satu identiti yang jelas dikaitkan dengan masyarakat Iban ialah rumah panjang. Menyebut tentang orang Iban, pasti seluruh Malaysia mengetahui tentang ciri sosial masyarakat Iban ini. Mengikut cerita pada zaman dahulu kala, orang Iban yang pertama mendirikan rumah panjang ialah Beji. Sebelum mendirikan rumah panjang, Beji dan ahli kerabatnya memang tinggal di hutan atau di dalam lubang gua. Pada masa tersebut mereka tidak memiliki petempatan yang tetap dan belum tahu bercucuk tanam. Ketiadaan Beji sebagai ketua digantikan oleh Bada, iaitu adiknya. Suatu ketika apabila Bada dan ahli kerabatnya ditimpa hujan lebat semasa mereka balik daripada ekspedisi berburu, mereka terus mencantas daun kayu untuk berlindung daripada hujan. Jadi, mereka tidak basah apabila sampai di rumah. Hal tersebut menimbulkan idea untuk membuat tempat yang lebih baik untuk berlindung daripada hujan. Bermula daripada pengetahuan penggunaan daun kayu sebagai atap pada waktu itu, mereka nekad untuk membuat pondok, teratak dan rumah untuk berlindung daripada hujan dan panas. Kini mereka duduk dalam rumah-rumah panjang.

Hampir seratus tahun yang lalu, rumah panjang pada zaman dahulu sangat panjang dan mencecah 340 bilik (unit famili). Pada hari ini, di bahagian Sri Aman, Sarawak masih memiliki rumah panjang mencecah 100 bilik namun terpaksa berpecah dan berpindah kerana kemalangan kebakaran. Sesebuah rumah panjang memiliki seorang ketua yang dipanggil sebagai Tuai Rumah. Menurut Vinson dan Sultive (2001), tuai rumah dipilih berdasarkan keberaniannya, kebolehan berucap di khalayak ramai, harta, pemahamannya tentang adat dan juga kebolehan memimpin anak-anak buahnya. *Tuai rumah* berfungsi sebagai ketua kaum di rumah panjang





tersebut dan menjaga keharmonian dan perpaduan anak-anak buahnya. Selain itu, beliau berperanan untuk menjaga keamanan, adat, dan kemajuan rumah panjang tersebut. *Tuai rumah* haruslah adil semasa mendengarkan dan mengadili perbicaraan dan menyelesaikan masalah pergaduhan atau pertelingkahan anak buahnya, (Joshua Melling, 1998). “Pemilihan *tuai rumah* pada zaman dahulu sememangnya menitikberatkan orang yang arif dalam salasilah serta berpengetahuan tentang asal usul kedatangan dan atur cara pertanian dan penternakan” (Chemaline Osup, 2011 ms.21). *Tuai rumah* dibantu oleh ahli jawatankuasa yang dipilih secara mesyuarat atau dilantik oleh *tuai rumah* sendiri. Pembantu *tuai rumah* menyandang jawatan sebagai *tuai burung* dan *tuai gawai*. *Tuai burung* disebut sebagai ‘augurs’ dalam bahasa Inggeris. Setiap rumah panjang memiliki seorang *tuai burung* (ketua upacara adat keagamaan) yang dilantik kerana beliau arif tentang *adat beburung*. Contohnya, *tuai burung* berperanan sebagai pemantau sesebuah tempat bagi memastikan tempat itu mempunyai ‘fengsui’ (alamat dan petanda) yang baik. Sekiranya penduduk rumah panjang ingin berpindah ke kawasan yang baru, *tuai burung* akan turun ke lokasi kawasan baru tersebut terlebih dahulu bersama-sama dengan ketua bilik dan *tuai rumah* untuk menentukan kesesuaian kawasan dan burung (omen atau petanda). Dia akan mendengar bunyi burung di kawasan tersebut dan meneliti bunyi burung. Masyarakat Iban pada masa dahulu percaya dengan bunyi burung sebagai petunjuk kepada perkara baik atau buruk. Terdapat tujuh jenis burung yang mempunyai pengaruh dalam sistem pemikiran dan kepercayaan tradisional masyarakat Iban seperti:

- i) *Ketupong* (Rufous Piculet),
- ii) *Bejampong* (Crested Jay),
- iii) *Embuas* (Banded Kingfisher),
- iv) *Pangkas* (Maroon Woodpecker),
- v) *Beragai* (Scarlet-Rumped Trogon),





- vi) *Kelabu Papau* (Diards Trogon),
- vii) *Nendak* (White Rumped Shama).

Masyarakat Iban mendirikan rumah panjang disebabkan pelbagai faktor. Faktor pertama ialah kekurangan tanah yang rata. Masyarakat Iban selalunya berpindah secara beramai-ramai ke sesuatu kawasan. Jadi, jika masing-masing mendirikan rumah sendiri, kawasan penempatan yang dipilih pastinya tidak dapat menampung jumlah rumah yang mahu dibina. Sarawak memang terkenal dengan keadaan geografinya yang berbukit bukau dan bergunung ganang. Oleh demikian, kekurangan tanah yang rata dan luas yang memaksa orang Iban memilih mendirikan rumah panjang.



mendirikan rumah panjang. Pada zaman dahulu, orang Iban sangat terkenal dengan kepahlawanannya dalam peperangan dan pada waktu itu, mereka sering diserang oleh musuh dari Kalimantan Barat. Mereka nekad untuk membalas dendam terhadap musuh. Pembukaan petempatan di kawasan-kawasan tertentu menimbulkan perasaan tidak senang hati musuh yang menyebabkan mereka menyerang bila-bila masa sahaja. Jadi dengan pembinaan rumah panjang, penduduknya dapat bersatu tenaga demi kekuatan dan tanggungjawab kolektif melawan musuh. Rumah panjang dahulu selalunya dibina tinggi-tinggi dan mempunyai tangga mudah alih yang senang ditarik bagi menghalang laluan musuh naik ke rumah panjang. Serangan binatang buas juga dapat dielakkan dengan pembinaan rumah panjang yang tinggi-tinggi. Kawasan petempatan pada zaman dahulu masih dikelilingi hutan yang dihuni oleh binatang





buas. Aspek keselamatan penduduk mestilah difikirkan sebelum membina rumah. Sebab itulah rumah panjang sering dibina di atas bukit.

Pembinaan rumah panjang juga dapat menjimatkan dari segi kos bahan-bahan pembinaannya seperti atap, tiang dan lain-lain. Masyarakat Iban dapat saling membantu dengan membina rumah panjang. Jika rumah digabungkan dan disatukan, atap dan tiang dapat dikurangkan. Hal ini dapat membantu ahli kerabat rumah panjang yang agak miskin. Rumah panjang juga didirikan untuk keselesaan masyarakat Iban. Jika diperhatikan, kehidupan secara berkelompok dan bermasyarakat dapat membantu dalam menyemarakkan semangat perpaduan dan kekitaan di samping mengamalkan nilai tolong menolong. Masyarakat Iban lebih selesa tinggal bersama-sama dan memiliki semangat kejiranan yang tinggi. Semangat kejiranan sering kali dilihat dalam kehidupan masyarakatnya pada musim perayaan seperti Hari Gawai, dan semua penduduk rumah panjang pasti bergotong royong dan saling membantu dalam menjayakan sesuatu majlis. Semasa kemelesetan ekonomi berlaku, orang Iban dapat menolong sesama sendiri dengan bantuan makanan seperti beras, sayur-sayuran dan lain-lain lagi.

Masyarakat Iban melakukan pelbagai pekerjaan untuk menyara kehidupan mereka terutamanya mencari sumber makanan. Setelah mereka pandai mendirikan rumah dan tidak lagi hidup di dalam gua, masyarakat Iban mula melibatkan diri dalam pertanian terutamanya menanam padi sawah serta mengurangkan amalan pertanian pindah. Petempatan orang Iban biasanya di tebing sungai kerana faktor pemilihan tempat yang strategik. Orang Iban terus membuka petempatan, kawasan baru untuk





dijadikan kebun dan sawah padi. Tanah yang telah dibuka dan diusahakan tersebut terus menjadi hak milik mereka sampai pada hari ini. Pemuda pemudi kaum Iban diajar melakukan pelbagai perkara. Lelaki akan diajar tentang adat mengembara, memperoleh *tajau* (balang), gong, harta benda, peralatan, duit, perdagangan, keberanian dan kekuatan. Mereka dilatih sejak dari kecil untuk menuruti ajaran ibu bapa dan hormat pada orang tua.

Pada masa dahulu, orang Iban hanya mementingkan kekuatan fizikal dan pelbagai kemahiran untuk melakukan pekerjaan bagi menyara hidup seharian. Pendidikan kurang dititikberatkan oleh ibu bapa. Selepas kedatangan penjajah, terutamanya pemerintahan keluarga Brooke, barulah pendidikan diterima oleh orang Iban. Pemuda Iban yang mencapai umur 17 tahun diajar membuat perahu, pendayung, mencari rotan, mengenal jenis pokok kayu di hutan, berburu, menjadi nelayan dan lain-lain. Mereka turut diajar untuk mengenali dan mengingati keturunan atau saudara pertalian darah masing-masing termasuklah saudara mara yang jauh. Sebahagian anak diajar menjadi *manang* (dukun) dan *lemambang* (pendeklamasi puisi adat) serta diberi pendedahan tentang *adat beburung* (kihanatan) semasa musim menuai dan bertenun. Pemuda pemudi Iban turut diajar *penti pemali* (pantang larang), iaitu perkara yang taboo untuk dilakukan. Tarian *ngajat*, muzik tradisional, bermain gendang serta permainan tradisional masyarakat Iban turut diajar.





1.2.3 Adat Masyarakat Iban

Bejalai betungkatka adat

(Berjalan bertongkatkan adat)

Tinduk bepanggalka pengingat

(Tidur berbantalkan nasihat)

Adat diamalkan oleh masyarakat Iban agar kehidupan mereka lebih teratur, tersusun dan harmoni seperti kaum yang lain di Malaysia. Masyarakat Iban juga seperti kaum lain memiliki adat yang diamalkan sejak turun temurun. Adat sangat penting dalam kehidupan sesebuah masyarakat kerana ia berupaya untuk menyatukan dan membawa keharmonian dalam banyak perkara. Pada zaman Bejie dahulu kala, banyak kejadian alam yang membuatkan dunia huru hara seperti banjir, penyakit angin kencang dan banyak lagi. Ikan dan labi-labi keluar dari air serta menyerang manusia di daratan. Namun, orang-orang tua dahulu melakukan adat dan upacara untuk mengelakkan keadaan bahaya dan bencana terhadap manusia pada masa tersebut. Jadi, orang Iban sangat percaya bahawa adat dapat mempengaruhi keadaan-keadaan tertentu termasuk unsur-unsur alam semesta. Adat juga sebenarnya mampu membentuk masyarakat Iban agar memiliki keperibadian yang baik dan mengorak gaya hidup yang baik. Oleh hal yang demikian, setiap rumah panjang Iban memiliki adat bagi memelihara keharmonian penduduknya. Adat masyarakat Iban berkait rapat dengan kepercayaan lama (*animisme*) yang diamalkan. Justeru, terdapat adat yang masih diamalkan sehingga kini, namun ada juga yang tidak diteruskan amalannya kerana tidak relevan dengan keadaan dan budaya Iban masa sekarang akibat pengaruh kepercayaan agama Kristian.





1.2.3.1 Adat Perkahwinan

Masyarakat Iban juga mempunyai adat perkahwinannya yang tersendiri dan unik dan dikenali sebagai *adat melah pinang*. Perkahwinan orang Iban melalui *adat melah pinang* ini telah menjadi simbolik dan tanda bagi menyatukan dua insan. Sebelum berkahwin, lelaki orang Iban terlebih dahulu merisik orang perempuan dan merisik dilakukan melalui tiga cara. Pertamanya, atas dasar suka sama suka antara pihak lelaki dan perempuan. Selalunya, pihak lelaki telah terlebih dahulu bertandang ke rumah perempuan tersebut. Lelaki akan ke rumah perempuan secara senyap-senyap dan adat ini dipanggil *ngayap*. *Ngayap* diamalkan oleh orang Iban pada zaman dahulu dan adat ini sangat unik dan berbeza. Kalau pada zaman sekarang, *ngayap* hampir sama dengan bertemu janji. Cuma caranya sahaja yang berbeza. Mengikut konteks masyarakat Iban, *ngayap* bermaksud lelaki mengunjungi perempuan (kekasihnya) ke bilik tidurnya pada larut malam, iaitu semasa orang lain sedang nyenyak tidur. Setelah semua orang tidur, si lelaki datang ke bilik tidur perempuan tersebut dan berbual di dalam kelambunya. Lazimnya, lelaki akan mengejutkan perempuan dari tidurnya, dikejutkannya dengan lembut seperti menyentuh bahunya atau mencubit jari atau kaki perempuan tersebut sehingga ia terjaga. Lelaki tidak seharusnya bertindak kasar mengejutkan perempuan tersebut. Dia mungkin akan diusir apabila bertindak kasar. Setelah terjaga, perempuan cuba mengenali identiti lelaki tersebut. Mereka berbisik apabila bercakap.

Ngayap dilakukan untuk meluahkan perasaan dan memadu cinta bersama perempuan yang disayangi dan dicintai oleh si teruna. Pasangan juga menghabiskan



waktu berbual-bual dan bertukar cerita antara satu sama lain. Ramai yang salah anggap tentang adat *ngayap* ini. Ramai yang berpandangan bahawa *ngayap* ini hanya untuk melakukan seks sahaja memandangkan lelaki pergi ke tempat tidur perempuan. Namun, kebenarannya *ngayap* merupakan cara beradat bagi lelaki mengenali dan meluahkan perasaan kepada perempuan yang dicintainya. Seks tidak boleh dilakukan sebarangan tanpa ikatan yang sah. *Ngayap* juga tidak boleh dilakukan berturut-turut melebihi tiga malam. Kalau teruna dan dara sudah berkenan suka sama suka, lelaki perlu memaklumkan ibu bapa perempuan untuk langkah atau adat seterusnya. Mereka akan dihukum jika ditangkap melakukan perbuatan tidak baik itu sehingga menyebabkan perempuan itu mengandung. Biar pun *ngayap* ini tidak mempunyai hukum secara bertulis, namun orang dahulu tahu had dan batasnya. Komuniti Iban yang menetap di setiap rumah panjang memahami *adat ngayap*, (Micheal Buma, 1987

Seperti disebutkan sebentar tadi, mengikut adat orang Iban, seseorang lelaki tidak boleh *ngayap* perempuan tiga malam berturut-turut. Jika lelaki tersebut berjaya ditangkap oleh keluarga perempuan, dia dikira dengan rela menerima perempuan tersebut dengan niat mengahwininya. Lelaki tersebut dikira *nguai* ataupun tinggal bersama perempuan dan ibu bapanya setelah berkahwin nanti. Perempuan juga tidak terkecuali daripada dikenakan tindakan adat. Jika perempuan didapati bersama lelaki dan bermalam di rumahnya tiga malam berturut-turut, dia secara rasminya merelakan dirinya mengahwini lelaki tersebut. Setelah berkahwin, dia haruslah menetap bersama-sama lelaki tersebut di rumah lelaki dan ibu bapanya. Namun, jika pihak keluarga lelaki tidak melaporkan hal ini kepada keluarga perempuan, pihak keluarga



perempuan berhak membuat tuntutan dan menuduh anak gadis mereka dilarikan. Lelaki atau perempuan sama-sama boleh berterus terang kepada ibu bapanya tentang isi hatinya. Jika keluarga lelaki bersetuju, pihak lelaki boleh datang merisik. Perempuan yang dirisik tersebut memang menyukai lelaki tersebut dan keluarga turut merestui kedua-dua pihak. Sebagai tanda suka, lelaki akan meninggalkan barangan untuk menandakan keseriusan hubungan mereka seperti cincin, anting-anting, jam, rantai, kain, pakaian dan lain-lain.

Pada masa sekarang, adat *ngayap* tidak lagi relevan diamalkan. Rumah panjang Iban banyak yang sudah bersimen dan pintu dikunci rapat. Jika dahulu, pintunya boleh dibuka dan senang untuk si lelaki masuk. Tambahan lagi, masyarakat sekarang menggunakan telefon, laman sosial seperti 'Wechat', 'Whatsapp', 'Facebook' untuk berhubung. Cara merisik yang kedua adalah atas dasar pilihan keluarga memadankan anak-anak mereka. Ibu bapa lelaki dan perempuan memadankan anak-anak mereka antara satu sama lain. Sekiranya perempuan tersebut bersetuju dengan pilihan keluarga, pihak lelaki akan segera merisik perempuan tersebut secara rasmi. Cara ketiga adalah secara serkap tetapi ini jarang dilakukan. Pihak lelaki akan menghantar rombongan merisik pihak perempuan tanpa diduga oleh perempuan tersebut dan keluarganya. Namun, dalam tempoh terdekat, pihak perempuan akan dimaklumkan mengenai kedatangan rombongan lelaki bagi memastikan ahli-ahli keluarga perempuan tidak ke mana-mana pada hari tersebut. Rombongan yang merisik perempuan ini dialu-alukan dan duduk di ruai pihak perempuan. Setelah itu, bapa kepada pihak perempuan memanggil ahli kerabat di rumah panjang tersebut berkumpul di ruainya dan menanyakan kedatangan





rombongan lelaki. Pada saat inilah pihak lelaki dan perempuan menggunakan bahasa kiasan untuk berbual tentang tujuan kedatangan rombongan tersebut. Setelah proses ini selesai, baharulah dua hingga tiga orang wanita masuk ke bilik perempuan yang dirisik untuk bertanyakan keputusan tentang risikan tersebut. Jika perempuan setuju, pada masa itu juga diputuskan siapa yang perlu ikut siapa (*nguai*). Cincin sebagai tanda diberikan setelah keputusan dicapai oleh kedua-dua pihak. Lelaki lain tidak boleh mengurag ataupun mengganggu perempuan tersebut sejak malam tersebut kerana dia telah disunting oleh bakal suaminya. Majlis perkahwinan akan dilangsungkan dalam masa terdekat bergantung dengan persetujuan semua penduduk rumah panjang dan persiapan daripada kedua-dua belah pihak pengantin.



1.2.3.2 Adat Kematian

Masyarakat Iban mempunyai adat yang berkaitan dengan kematian. Jenazah atau mayat perlu diuruskan dengan cara yang beradat. Dahulu kala, orang Iban tidak mempunyai adat kematian dan perkabungan. Semuanya bermula daripada seorang lelaki yang bernama Serapuh yang menjadi perantaraan antara dewa masyarakat Iban untuk mengajar orang Iban tentang adat kematian dan perkabungan (Chemaline Osup, 2011). Pada zaman Serapuh dahulu kala, manusia yang mati atau meninggal dunia dibuang di mana-mana sahaja. Mayat hanya dibalut dengan tikar dan dibuang ke kawasan hutan ataupun semak samun. Pada masa tersebut masyarakat Iban belum tahu menguburkan mayat di dalam tanah. Tiada adat yang diamalkan bagi





menguruskan mayat. Cara pembuangan mayat begitu sahaja bukan sahaja tidak terurus dan tidak menghormati si mati malah menyebabkan pelbagai jenis penyakit berjangkit menyerang ahli kerabatnya di rumah panjang. Keadaan tersebut menyebabkan ramai penduduk rumah panjang sakit dan mati. Contohnya, keluarga Serapuh juga mengalami nasib yang sama apabila ayahnya meninggal tiba-tiba pada waktu pagi dan diikuti oleh kematian ibunya pada waktu tengahari.

Menurut Chemaline Osup (2011), pada suatu hari, Serapuh disapa oleh Puntang Rega yang memanggilnya dari arah *tanju* (kawasan bahagian depan rumah) bertanya sebab Serapuh dan ahli kerabat di rumah panjang itu menangis dan meratap serta bersedih hati. Serapuh menceritakan keadaan sebenar. Serapuh bercerita tentang kes-kes yang terjadi di rumah panjang itu. Puntang Raga terus menyatakan hal itu berlaku kerana tuhan tidak senang hati dengan cara mereka menguruskan kematian, iaitu tanpa apa-apa adat untuk menguruskan mayat. Serapuh mengaku bahwa mereka tidak memiliki apa-apa adat atau cara yang betul bagi menguruskan mayat. Puntan Raga terus memberitahu cara menguruskan mayat si mati dengan betul kepada Serapuh. Adat kematian inilah yang digunakan oleh masyarakat Iban tradisional sehinggalah sekarang. Setelah manusia menghembuskan nafas yang terakhir, rohnya pulang dan berkumpul bersama-sama roh saudara maranya yang terlebih dahulu meninggal. Tempat mereka berkumpul disebut sebagai *Sebayan* (dunia orang mati) mengikut kepercayaan tradisional masyarakat Iban.

Setelah si mati disahkan meninggal, si mati terus dimandikan, disisir rapi dan diberikan pakaian yang cantik. Si mati dimandikan dengan *entemu* (kunyit)





terutamanya jika si mati ialah wanita. Si mati dikenakan dengan pelbagai perhiasan seperti cincin, kasut dan lain-lain, dengan harapan dia akan kelihatan mempersona di dunia orang mati (*Sebayan*). Kening si mati diconteng tiga kali menggunakan kunyit sebelum mayat dibawa ke tengah ruangan rumah yang dipanggil *ruai* (galeri di rumah panjang). Kepala si mati hendaklah menghadap ke arah *tanju* (kawasan halaman rumah yang terbuka). Mayat tersebut dialaskan dengan tikar dan selimut *pua kumbu* (selimut yang diperbuat daripada pua kumbu) dan kepalanya haruslah dibaringkan atas bantal kapas yang baharu. Sekotak tepak sirih dan pakaian si mati diletakkan berhampiran si mati. Padi ditabur atas mayat kerana kepercayaan bahawa si mati tidak akan menyebabkan pembaziran makanan di lain hari kelak. Gigi si mati dicat hitam menggunakan kayu getah yang telah menjadi arang supaya kelihatannya putih di *Sebayan* (dunia baharunya). Mayat diletak dalam satu ruangan yang diperbuat daripada *pua kumbu*. *Pua kumbu* ini memagari mayat si mati di *ruai* supaya tidak dilangkahi kucing atau anjing. *Lesung* diletakkan di kawasan tangga rumah dengan tujuan untuk menghalang penghuni *Sebayan* supaya tidak dapat masuk ke dalam rumah serta mengganggu roh manusia yang masih hidup. Pelita dihidupkan dan diletakkan berhampiran dengan si mati untuk menghangatkan tubuh si mati. Sebelum dikebumikan, si mati diberi makan menggunakan pinggan dan cawan kaca kegemarannya. Cawan dan pinggan yang berisi lauk dan nasi tersebut dipecahkan dan dibuang ke bawah lantai rumah. Si mati dibekalkan dengan barangan yang dipanggil *baya* seperti pakaian, alatan berkebun supaya si mati tidak hidup menderita di *Sebayan*. *Baya* tersebut diletakkan di atas kubur si mati. Pada malam terakhir sebelum mayat dihantar ke kubur, seorang tukang *sabak* (tukang ratap) dipanggil untuk menangisi secara ritual bagi si mati. Adat kematian tidak berhenti sampai di situ sahaja, namun berterusan dengan beberapa adat yang lainnya seperti adat *ngulit*





(berkabung), *berserara bungai* dan *ngambi tebalu*. Selepas itu dirayakan juga Adat Gawai Antu.

1.3 Pernyataan Masalah

Setiap ungkapan yang dilafazkan oleh tukang *sabak* serta teks puisi *sabak* membawa makna tertentu. Ungkapan yang dilahirkan tersebut melambangkan pelbagai perkara termasuklah luahan perasaan dan pernyataan emosi. Perkara inilah yang menjadikan masyarakat Iban unik dan berbeza daripada kaum yang lain. Puisi rakyat Iban ini adalah sebahagian daripada tradisi dalam budaya hidup masyarakat Iban (Chemaline Osup, 2011 ms.106). Puisi rakyat Iban ini salah satu sastera yang penting kepada masyarakat Iban. Sekiranya sastera ini bagus, ia dapat menjadi identiti masyarakat Iban serta berupaya mempamerkan ketulenan jati diri masyarakat Iban, (Chemaline Osup, 2011 ms.47). Rubenstein (1973) berpendapat bahawa tidak ramai lagi pemuisi yang mahir menzahirkan puisi rakyat ini. Chemaline Osup (2006) mengatakan bahawa *leka main* ialah puisi yang lahir dari peradaban awal masyarakat Iban. *Leka main* ini mencerminkan kepercayaan dan pemikiran masyarakat Iban. Kepercayaan ini telah berjaya mencorak kehidupan masyarakat Iban. Kepercayaan ini juga menimbulkan pelbagai ungkapan yang menjadi unsur simbolisme yang digunakan dalam teks *sabak* atau yang dilafazkan oleh tukang *sabak*. *Leka main* ini telah menjadi budaya dalam kehidupan masyarakat Iban sehingga dapat dilihat pada hari ini. Ia telah





dilafazkan sebagai sebahagian dari adat dalam masyarakatnya sendiri dan menunjukkan pegangan dalam kepercayaan mereka.

Puisi *sabak* telah ada sejak zaman dahulu. Namun, pada masa kini jarang sekali puisi *sabak* dilagukan kerana kebanyakan orang Iban telah memeluk agama Kristian dan mendalami ajarannya. Puisi *sabak* ini berkembang dan menjadi budaya dalam upacara kematian masyarakat Iban. Justeru, ia sekaligus dijadikan sebagai adat dan ritual kematian sehingga kini. Orang Iban percaya, perjalanan si mati ke *Sebayan* adalah lebih mudah seandainya terdapat tukang *sabak* yang menghantar dan mengiringi rohnya ke sana. Puisi *sabak* dianggap puisi rakyat Iban yang artistik dan sangat penting dalam ritual kematian masyarakat Iban pada zaman dahulu. Biarpun dekad demi dekad berlalu, puisi *sabak* tidak seharusnya tenggelam ditelan zaman namun tetap menjadi puisi rakyat yang diingati sampai ke hari ini. Namun, ramai kaum Iban sendiri khasnya golongan muda pada hari ini kurang didedahkan tentang puisi rakyat Iban termasuklah puisi *sabak* ini. Biarpun adanya kajian tentang puisi *sabak*, masyarakat pada masa kini hanya didedahkan tentang fungsi puisi itu secara umum serta penggunaannya dalam adat kematian kaum Iban. Majoriti hanya mendengar tetapi tidak memahami ungkapan yang digunakan oleh tukang *sabak*. Justeru itu, kajian ini mengkaji dan menganalisis unsur simbolisme dalam puisi *sabak*. Setiap ungkapan yang digunakan oleh tukang *sabak* akan diselidik dan dikaji untuk menjelaskan makna sebenarnya. Tesis ini diharap dapat memberi penjelasan kepada masyarakat tentang makna setiap ungkapan yang digunakan dalam puisi *sabak*. Kajian ini juga dapat membantu para mahasiswa untuk mendalami puisi *sabak* sebagai sumber kajian. Di samping itu, kajian ini dapat membantu para pendidik





dalam menjelaskan makna ungkapan perkataan sukar yang terdapat dalam puisi *sabak* kepada para pelajar. Dengan itu, proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih mudah. Kajian ini juga diharap dapat membantu individu yang ingin mengkaji dan mengenali puisi *sabak* dengan lebih mendalam lagi.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya mengkaji puisi *sabak* dalam masyarakat Iban di Sarawak melalui objektif-objektif khusus seperti berikut:

- i. Mengkaji unsur simbolisme dalam puisi *sabak*
- ii. Mengenal pasti imej arketaip yang digunakan dalam puisi *sabak*
- iii. Menghuraikan simbol yang melambangkan emosi dalam puisi *sabak*

1.5 Soalan Kajian

- i. Apakah unsur simbolisme dalam puisi *sabak*?
- ii. Apakah imej arketaip yang digunakan dalam *sabak*?
- iii. Apakah simbol yang melambangkan emosi dalam puisi *sabak*?





1.6 Kesignifikan Kajian

Signifikan kajian sebenarnya berkait dengan sumbangan yang boleh diberikan oleh kajian, (Othman Lebar, 2015 ms.93). Kajian ini diharap dapat memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat Iban generasi baru dan juga masyarakat luar berkaitan unsur simbolisme yang terdapat dalam puisi *sabak*. Generasi muda khasnya hanya mendengar puisi ini dilafazkan dalam adat kematian namun tidak memahami maksud sesuatu perkataan yang digunakan memandangkan tukang *sabak* kerap menggunakan kata kiasan. Dengan pendedahan dan pengetahuan yang diberikan melalui kajian ini, masyarakat Iban sendiri dan pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia melihat sendiri penggunaan unsur simbolisme dalam puisi *sabak*.



Selain itu, kajian ini amat berguna kepada generasi akan datang untuk mereka memahami dan mengetahui imej arketaip yang digunakan dalam puisi *sabak* ini. Perkara ini membantu anak-anak muda kaum Iban yang kurang arif tentang maksud lambang-lambang yang digunakan serta memahaminya dengan mudah. Emosi tukang *sabak* juga dapat dikaji melalui penggunaan perlambangan dalam puisi ini.

Kajian ini juga diharap menjadi warisan yang dikekalkan dan diingati pada masa hadapan. Jika tidak, lama kelamaan sastera Iban yang unik dan distinktif ini akan menjadi semakin lupus ditelan zaman terutamanya dalam era globalisasi ini. Ramai orang Iban tidak lagi melagukannya dalam ritual kematian lebih-lebih lagi dalam kalangan masyarakat yang beragama Kristian.





Justeru, kajian ini diharapkan berguna sebagai bahan pembelajaran dan kajian untuk para pelajar baik di peringkat persekolahan rendah dan menengah mahupun di pusat pengajian tinggi. Murid sekolah lebih senang memahami teks puisi *sabak* yang digunakan dalam buku teks sekiranya setiap baris rangkai kata dihuraikan maksud dan perlambangannya. Kajian ini juga membantu pengkaji akan datang memahami tentang puisi ini. Dengan kajian demikian, para pengkaji akan datang akan dapat meninjau aspek lain yang berkaitan dengan puisi *sabak*.

1.7 Batasan Kajian



Kajian juga dilakukan dengan cara menganalisis dokumen yang dikutip berdasarkan buku puisi *sabak* yang berjudul *Sabak*, karya Robert Menua Salleh pada tahun 2010. Kajian lapangan iaitu temu bual digunakan untuk melihat fungsi, unsur simbolisme dan unsur arketaip yang terdapat dalam puisi *sabak*. Kawasan kajian yang dipilih ialah daerah Pakan dan Debak. Pemilihan kawasan tersebut adalah kerana faktor jumlah tukang *sabak* yang agak ramai selain berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji.





1.8 Definisi Operasional

1.8.1 *Leka Main*

Leka main dalam kajian ini ialah puisi rakyat masyarakat Iban di Sarawak yang dibahagikan kepada tiga kelompok utama, iaitu *leka main invokasyen* (puisi invokasi), *leka main adat basa* (puisi adat) dan *leka main pemerindang* (puisi hiburan).

Literally, *leka* means ‘seed’ or ‘gist of’; *main*, ‘play’, ‘action’, ‘entertainment’, or ‘doing’ (Richards 1981:201-2; Sultive 1994:132,144). Taken together, *leka main* refers to ritual poetry, either sung or spoken (cf. Richards 1981:202). As a general language genre, nearly all Iban know and make use of some *leka main*, employing it, for example, in family prayers, during public entertainment, or in songs and oratory.

(Clifford Sather, 2001 ms.1)

1.8.2 *Sabak*

Sabak yang dimaksudkan dalam kajian ini merupakan tangisan dan ratapan. Ratapan ini dilafazkan atau dilagukan oleh orang yang meratap iaitu *tukang sabak* yang



dipanggil atau dijemput khas untuk menangi dan meratapi kehilangan atau kematian seseorang. *Sabak* dalam kajian ini ialah puisi yang digunakan untuk meratapi si mati. Dalam kajian ini, teks puisi *sabak* digunakan untuk dianalisis.

Aba bansa Iban, Sabak meh siti jalai ke endang dikena ari kelia munya sampai ke saritu, dikena madah ke penyinu enggau penyayau diri ngagai bala diri sebilik tauka bala kaban belayan ke parai.

(Robert Menua Salleh, 2000 ms.iii)

1.8.3 *Ngulit*

Ngulit dalam kajian ini membawa maksud berkabung bersempena dengan sesuatu kematian dalam masyarakat Iban. Tempoh berkabung mengambil masa dua hingga tiga minggu.

During this time and for three-day period of mourning (*pana*) from the actual time the return of the burial party from cemetery, members of the immediate family are secluded in the family room of the deceased. The surviving spouse or eldest family member is fed three balls of black rice (*asi pana*) by the oldest woman in the house.

(Sultive, 2012, ms. 55)



1.8.4 *Sebayan*

Dalam konteks kajian ini, *Sebayan* membawa maksud dunia orang mati dalam masyarakat Iban di mana roh-roh orang yang telah mati tinggal secara kekal dan abadi. Masyarakat Iban percaya bahawa orang yang meninggal akan bermastautin di *Sebayan* selepas mati.

As soon as it is finished, the body of the deceased is removed from the longhouse and is carried to the cemetery for burial immediately before sunrise. The words of the *sabak* tell of the soul's leave taking and of the host departed spirits (*antu sebayan*) who arrive from the otherworld to accompany it on its final journey. Each landmark they pass as they travel to *Sebayan* is described in paired stanzas, depicting, a stage-by-stage, the soul's final passage from the world to the next.

(Clifford Sather, 2001, ms.9)

1.8.5 *Invokasyen*

Invokasyen dalam kajian ini ialah salah satu kategori *leka main* atau puisi rakyat Iban. *Invokasyen* membawa maksud panggilan, seruan atau doa. Puisi *sabak* tergolong dalam kategori *invokasyen*.



Kategori ti ketiga dalam leka main iya nya invokasyen ti dikenai ngangauka Petara. Leka jaku invokasyen datai ari leka jaku orang ribai invocation ti dipechah ngagai dua reti leka jaku iya nya the act or pray enggau incantation.

(Chemaline Osup, 2011, ms.125)

1.8.6 *Lemambang*

Lemambang ialah penyair yang melafazkan atau menyanyikan *leka main* (puisi), tetapi mereka lebih dikenali sebagai pendeklamasi puisi adat dan invokasi.

The bards or *lemambang* traditionally performed what might be best described as a priestly or liturgical role. The *lemambang* typically perform in a company or a troupe (*bala*), rather than individually in the manner of the soul guides and shamans.

(Clifford Sather, 2001, ms 5)



1.8.7 *Tukang sabak*

Tukang sabak ialah orang yang menangisi atau meratapi pemergian si mati bagi menghantar dan mengiringi roh si mati ke dunia baharu yang dikenali sebagai *Sebayan*.

In contrast to the bards, the soul guides, generally known in the lower Sri Aman Division as the *tukang sabak* or *lemambang sabak*, are virtually always a women. The ritual role they play is more narrowly circumscribed than that of either the bards or shamans and relates exclusively to death. Thus, the *tukang sabak* is called upon during the funeral night that immediately precedes burial to send out her soul to guide the newly departed soul of the dead to its proper place in the otherworld.



(Clifford Sather, 2011, ms.8)

1.8.8 *Sabang*

Sabang membawa maksud upah yang diberikan kepada *tukang sabak*. *Sabang* diberikan sebagai ganjaran atau bayaran kepada *tukang sabak* yang dijemput dan diupah untuk menangisi dan meratapi pemergian si mati pada malam terakhir sebelum mayat dihantar ke kuburan.



1. Upah dukun tauka manang; derian. 2. perengka (baka duit, mangkuk, chapak, kain, jarum, papung besi, anak benda, etb) diberi ngagai orang ke alai kitai ngambi ubat tauka berubat dikena ngelekatka pemisa ubat nya.

(Bup Sereba Reti Jaku Iban, 2011, ms.999)

1.8.9 *Beserara bungai*

Beserara bungai ialah ritual yang dilakukan atau dilangsungkan oleh masyarakat Iban selepas kematian si mati bertujuan untuk memisahkan dunia orang yang masih hidup dari dunia orang yang telah mati (*Sebayan*).

Kira sebulan dua udah ritual ngetas ulit tu dikereja, dia dih Iban lalu ngaga ritual ti besangkut enggau ulit, iya nya ritual beserara bungai. Ba sekeda pelilih menua, ritual beserara bungai tu dipenyadi pengudah tiga hari nganjung antu ke pendam. Ritual tu digaga laban deka nyeraraka dunya kitai enggau dunya Sebayan. Tu mih ritual ti kepenudi iya dalam adat pematI orang Iban. Manang tauka lemambang dikangau ngaduka ritual tu laban semina sida nya aja ti bisi ngembuan pengaruh dikena bekomunikasyen terus enggau dunya Sebayan.

(Chemaline Osup, 2011, ms.135)

1.8.10 *Ngetas ulit*

Dalam kajian ini, *ngetas ulit* merupakan salah satu ritual dalam adat yang diamalkan dalam masyarakat Iban bagi menandakan tamatnya tempoh berkabung. Sultive (2012, ms.56-57) mengatakan tempoh berkabung paling lama iaitu sebulan, namun “the longest of which the Editor is aware was nine months for the daughter of a Penghulu of the Aup area near Sibu”

1.8.11 *Baya*

Baya merupakan barangan yang dibekalkan kepada si mati untuk dibawanya ke dunia baharu atau ke kuburan seperti pakaian, peralatan atau barang yang menjadi kegemaran si mati. *Baya* ini dibekalkan oleh kaum keluarga si mati kerana masyarakat Iban percaya bahawa si mati mempunyai kehidupan lagi di dunia baharu, iaitu dunia orang yang telah mati (*Sebayan*). Dengan ini mereka tidak akan hidup susah di *Sebayan* kelak.

Engka mayuh kitai betanya, nama kebuah niang enda tau enda diberi chukup kereban? Kebuah pia, enggaika iya merinsa diau ba dunya Sebayan din. Kereban tu dikumbai orang baya tauka baiya. Sekeda baya ti suah dibai niang iya nya gari



kelambi enggau kereban dikena bekebun tauka gawa. Semua baya tu deka dianjung ke pendam lebu orang nganjung antu.

(Chemaline Osup, 2011, ms.125)

1.8.12 *Meligai*

Meligai (mahligai) merujuk kepada rumah yang dibina oleh si mati sebelum meninggal dunia. Dalam kajian ini, *meligai* ialah salah satu simbolisme yang terdapat dalam puisi *sabak*. Si mati menyatakan kekesalan hatinya kerana tidak dapat bersatu dan tinggal bersama-sama dengan keluarganya di rumah yang dibina olehnya itu.



1.8.13 *Midang*

Midang ialah imej arketaip yang didapati hasil daripada analisis puisi *sabak* ini. *Midang* memberi maksud telah pergi. Ungkapan ini ditujukan tukang *sabak* kepada si mati yang telah meninggal dunia. Tukang *sabak* berasa sebak apabila meratapi si mati yang telah tiada.





1.8.14 *Buyu*

Buyu maksudnya mimpi yang menakutkan. Dalam konteks ini, *buyu* digunakan oleh pengkaji untuk menggambarkan sesuatu yang buruk. Dalam dapatan kajian bab 4, istilah ini digunakan untuk merujuk kepada *bintang buyu*. *Bintang buyu* pula memberi imej arketaip tentang kematian, kegelapan dan imej tidak ideal. Maksudnya, si mati telah meninggal dunia.

1.9 Rumusan



Kesimpulannya, setiap individu memiliki perasaan sama ada suka atau duka dan akan mengalaminya sepanjang hidup. Cara seseorang mengapresiasi perasaannya adalah berbeza antara satu sama lain. Setiap kelompok masyarakat juga mempunyai caranya tersendiri mempamerkan perasaan. Apabila adanya kematian, perasaan sedih itu tidak dapat dipisahkan dalam jiwa seseorang. Manusia lebih senang melahirkan kesedihan melalui tangisan. Begitu juga dengan masyarakat Iban yang melahirkan kesedihan menerusi puisi *sabak*. Di samping menghantar roh si mati ke dunia *Sebayan*, puisi *sabak* juga cara masyarakat Iban meluahkan isi hati dan meratapi si mati. Teori-teori yang digunakan dalam kajian puisi ini boleh dirujuk dalam bab yang kedua.

